

TERMA & SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI SAJIAN DIKONGSI KEBAHAGIAAN DIRAI.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/01/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 28/02/2021.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Mengambil Bahagian & Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Sila lihat Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] yang ditunjukkan pada borang penyertaan Promosi ["Borang"] untuk senarai produk MAGGI yang mengambil bahagian dengan tarikh luput Januari 2021 dan ke atas untuk Promosi ["Produk"], bukti pembelian yang diperlukan dan peruntukan nombor bersiri.</p> <p>b. Borang boleh didapati di:</p> <ol style="list-style-type: none"> http://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi https://www.dearnestle.com.my/events-and-happenings https://www.nestle.com.my/brands/food <p>c. Terdapat dua [2] kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu melalui pos ATAU melalui WhatsApp. Semua kaedah penyerahan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan.</p> <p>d. Semua penyertaan Pos dan/atau WhatsApp yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakannya oleh Penganjur.</p>
6. <u>Kaedah Penyertaan melalui Pos:</u>	<p>a. Untuk menyertai Promosi melalui penyertaan Pos, beli minima satu [1] atau lebih Produk dari mana-mana kedai sepanjang Tempoh Promosi. Bukti pembelian adalah pembungkusan penuh Produk ["BP Pos"].</p> <p>b. Lengkapkan setiap Borang dengan maklumat lengkap iaitu nama lengkap, nombor pengenalan, alamat dan nombor hubungan.</p> <p>c. Borang yang dilengkapkan bersama dengan satu [1] atau lebih BP Pos mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar melalui pos biasa hanya ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam Borang ["Penyertaan Pos"].</p> <p>d. Penganjur menerima Penyertaan Pos dengan berbilang BP.</p>
7. <u>Kaedah</u>	a. Untuk menyertai Promosi melalui WhatsApp , beli minima satu [1] atau

<p><u>Penyertaan Melalui WhatsApp:</u></p>	<p>lebih Produk dalam satu resit bercetak dari mana-mana kedai sepanjang Tempoh Promosi ["Resit"].</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Resit adalah dalam bentuk resit bercetak atau resit bertulis dari sistem <i>Point of Sale</i> atau dalam bentuk e-resit untuk pembelian dalam talian. Resit mesti dengan jelas menunjukkan nombor resit dan nama dan/atau logo kedai di mana produk dibeli dan satu [1] atau lebih Produk. ii. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi kedai di mana pembelian dibuat. <p>b. Resit mesti mengandungi Produk yang dibeli, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai ["Butiran Resit"].</p> <p>c. Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dengan Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>d. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Tulis di depan Resit nama penuh anda, nombor pengenalan dan alamat e-mel, jika ada ["Butiran Peribadi"]. <u>Contoh, tulis di atas Resit:</u> <i>Aimie Ismail</i> <i>861202085554</i> <i>aimie.is@gmail.com.my</i> ii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u>, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit. iii. Hantar satu [1] gambar/imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke 018-228 3911 ["Penyertaan WhatsApp"]. iv. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>e. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p> <p>f. Semua Penyertaan WhatsApp yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur.</p>
<p>8. <u>Eksklusif di 99Speedmart:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Untuk peserta yang membuat pembelian dari mana-mana kedai 99Speedmart adalah layak untuk memenangi hadiah tambahan dari 99Speedmart. b. Hadiah 99Speedmart adalah eksklusif untuk semua peserta yang menyertai melalui Penyertaan WhatsApp dengan Resit 99Speedmart.
<p>9. <u>Eksklusif di TESCO:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Untuk peserta yang membuat pembelian dari mana-mana kedai TESCO adalah layak untuk memenangi hadiah tambahan dari TESCO. b. Hadiah TESCO adalah eksklusif untuk semua peserta yang menyertai

	melalui Penyertaan WhatsApp dengan Resit TESCO.
10. <u>Eksklusif di ECONSAVE:</u>	<p>a. Untuk peserta yang membuat pembelian dari mana-mana kedai ECONSAVE adalah layak untuk memenangi hadiah tambahan dari ECONSAVE.</p> <p>b. Hadiah ECONSAVE adalah eksklusif untuk semua peserta yang menyertai melalui Penyertaan WhatsApp dengan Resit ECONSAVE.</p>
11. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua penyertaan Pos dan WhatsApp mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 28/02/2021. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
12. <u>Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Terdapat satu ratus dua puluh lima [125] Hadiah Mingguan berupa wang tunai RM88 dan satu [1] Kit Prosperity untuk dimenangi setiap minggu selama lapan [8] minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah satu ribu [1000] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Lapan [8] tempoh mingguan adalah seperti di bawah: Minggu 1: 01/01 – 07/01/2021 Minggu 2: 08/01 – 14/01/2021 Minggu 3: 15/01 – 21/01/2021 Minggu 4: 22/01 – 28/01/2021 Minggu 5: 29/01 – 04/02/2021 Minggu 6: 05/02 – 11/02/2021 Minggu 7: 12/02 – 18/02/2021 Minggu 8: 19/02 – 28/02/2021</p>
13. <u>Maklumat Pengadlan-Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan Pos dan Penyertaan WhatsApp yang diterima dan telah diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi mengikut BP yang dikemukakan dan Jadual BP [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk minggu tersebut ialah 6775 Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan satu ratus dua puluh lima [125] Finalis Hadiah Mingguan: $6775 \div 125 = 54.2$. Oleh sebab pembahagian 6775 dengan 125 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 54.2 akan dibundarkan ke bawah kepada 54. 125 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 54*, 108*, 162*, 216, 270, 324, 378, 432, 486, 540, 594 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 54, $54+54=108$, $108+54=162$].</p>
14. <u>Hadiah Utama:</u>	<p>a. Terdapat sepuluh [10] Hadiah Utama berupa wang tunai RM8,888 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Terdapat satu ratus [100] Hadiah Bonus berupa wang tunai RM1,888 untuk</p>

	dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
15. <u>Maklumat Pengadil-an-Hadiah Utama:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan pemenang mingguan dan sepanjang setiap Tempoh Promosi secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir Tempoh Promosi nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 188888, Penganjur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Utama berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan sepuluh [10] Finalis Hadiah Utama: $188888 \div 10 = 18888.8$. Oleh sebab pembahagian 188888 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 18888.8 akan dibundarkan ke bawah kepada 18888. 10 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 18888*, 37776*, 56664*, 75552, 94440 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 18888, $18888+18888=37776$, $37776+18888=56664$].</p> <p>ii. Pemilihan satu ratus [100] Finalis Hadiah Bonus: $188888 \div 100 = 1888.8$. Oleh sebab pembahagian 188888 dengan 100 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 1888.8 akan dibundarkan ke bawah kepada 1888. 100 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 1888*, 3776*, 5664*, 7552, 9440 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 1888, $1888+1888=3776$, $3776+1888=5664$].</p>
16. <u>Hadiah 99Speedmart</u>	<p>a. Terdapat empat [4] Hadiah Bonus 99Speedmart berupa Baucar Peralatan Dapur bernilai RM5,000 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Terdapat tiga ratus dua puluh [320] Hadiah Saguhati 99Speedmart berupa TEFAL <i>Easy Care 5 Pieces Set</i> B179S5 bernilai RM380 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>
17. <u>Maklumat Pengadil-an-Hadiah 99Speedmart:</u>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah 99Speedmart, <u>SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit 99Speedmart</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap penyertaan WhatsApp yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi mengikut Resit 99Speedmart yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak 99Speedmart" dan secara kolektif "Penyertaan Layak 99Speedmart"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak 99Speedmart akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak 99Speedmart"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak 99Speedmart untuk</p>

	<p>peraduan tersebut ialah 3588 Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pemilihan empat [4] Finalis Hadiah Bonus 99Speedmart: $3588 \div 4 = 897.1$. Oleh sebab pembahagian 3588 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 897.1 akan dibundarkan ke bawah kepada 897. 4 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak 99Speedmart yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 897*, 1794*, 2691* dan 3588. [*contoh pengiraan: <u>897</u>, $897+897=1794$, $1794+897=2691$]. ii. Pemilihan tiga ratus dua puluh [320] Finalis Hadiah Sagu Hati 99Speedmart: $3588 \div 320 = 11.21$. Oleh sebab pembahagian 3588 dengan 320 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 11.21 akan dibundarkan ke bawah kepada 11. 320 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak 99Speedmart yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 11*, 22*, 33*, 44, 55, 66, 77 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>11</u>, $11+11=22$, $22+11=33$].
18. <u>Hadiah TESCO</u>	a. Terdapat satu ratus lapan puluh lapan [188] Hadiah Eksklusif TESCO berupa BAUCAR TESCO bernilai RM180 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
19. <u>Maklumat Pengadilan-Hadiah TESCO:</u>	<ol style="list-style-type: none"> a. Untuk memilih Finalis Hadiah TESCO, <u>SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit TESCO</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap penyertaan WhatsApp yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi mengikut Resit TESCO yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak TESCO dan secara kolektif "Penyertaan Layak TESCO "]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". b. Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak TESCO akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak TESCO "]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak TESCO untuk peraduan tersebut ialah 3588 Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Pemilihan satu ratus lapan puluh lapan Finalis Hadiah Eksklusif TESCO: $3588 \div 188 = 19.08$. Oleh sebab pembahagian 3588 dengan 188 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 19.08 akan dibundarkan ke bawah kepada 19. 188 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak TESCO yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 19*, 38*, 57*, 76, 95 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>19</u>, $19+19=38$, $38+19=57$].
20. <u>Hadiah ECONSAVE</u>	a. Terdapat satu ratus enam puluh lapan [168] Hadiah Eksklusif ECONSAVE berupa BAUCAR ECONSAVE bernilai RM150 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
21. <u>Maklumat</u>	a. Untuk memilih Finalis Hadiah ECONSAVE, <u>SEMUA Penyertaan Layak dengan</u>

<p><u>Pengadilan-Hadiah ECONSAVE:</u></p>	<p><u>Resit ECONSAVE</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap penyertaan WhatsApp yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi mengikut Resit ECONSAVE yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak ECONSAVE dan secara kolektif "Penyertaan Layak ECONSAVE "]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak ECONSAVE akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak ECONSAVE "]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ECONSAVE untuk peraduan tersebut ialah 3588 Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan satu ratus lapan puluh lapan Finalis Hadiah Eksklusif ECONSAVE: $3588 \div 168 = 21.35$. Oleh sebab pembahagian 3588 dengan 168 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 19.08 akan dibundarkan ke bawah kepada 21. 168 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak ECONSAVE yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 21*, 42*, 63*, 84, 105 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>21</u>, 21+21=42, 42+21 =<u>63</u>].</p>
<p>22. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis menerusi nombor hubungan atau nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi sepanjang tempoh Promosi:</p> <p>i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Mingguan];</p> <p>ii. Satu [1] Hadiah Utama atau Hadiah Bonus dengan nilai tertinggi dan;</p> <p>iii. Satu [1] Hadiah 99Speedmart dengan nilai tertinggi.</p> <p>iv. Satu [1] Hadiah Eksklusif TESCO</p> <p>v. Satu [1] Hadiah Eksklusif ECONSAVE</p> <p>c. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 28/02/2021 ke alamat yang telah diberikan oleh pemenang. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>d. Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur akan dibatalkan.</p> <p>e. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p> <p>f. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau</p>

	perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <http://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi> <https://www.dearnestle.com.my/events-and-happenings> <https://www.nestle.com.my/brands/food>, secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Dengan menyertai Promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemrosesan maklumat peribadi anda dalam Notis Privasi.

Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “**Terma dan Syarat**”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.

6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak

untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Promosi) berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan,

melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.2 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privacy_notice.
- 12.1 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.